

03 SEP 2001  
Sukan SEA-Larian Perdana  
WARGA KOTA DIPELAWA SERTAI LARIAN PERDANA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Wilayah Persekutuan mempelawa orang ramai terutama warga kota menyertai Larian Perdana Sukan SEA ke-21 sempena berakhirnya Larian Obor temasya itu, Jumaat ini.

Pengarah JBS Wilayah Persekutuan, Ong Ang Ieam berkata Larian Perdana yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 7 Sept ini adalah acara kemuncak Larian Obor yang bermula 10 Mac lepas sebaik Wilayah Persekutuan Labuan menerima obor Sukan SEA dari negara Brunei Darussalam.

Katanya, Perdana Menteri akan menerima obor daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzaman Sharif dan seterusnya menyalakan obor berkenaan di Dataran Merdeka.

"JBS Wilayah Persekutuan berhasrat menjadikan Larian Perdana kali ini sebagai larian penuh warna-arni dan diingati sebagai larian paling bermakna dalam sejarah sukan negara," katanya kepada Bernama selepas majlis taklimat Larian Perdana Sukan SEA ke-21 di Kompleks Sukan Kampung Pandan hari ini.

Ong juga berkata, pihak urusetia larian turut mengadakan beberapa acara menarik termasuk senamrobik bersama Perdana Menteri dengan diketuai oleh pasukan senamrobik Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta cabutan bertuah pada hari itu.

Menurutnya, JBS menjangka sekurang-kurangnya 15,000 orang akan menyertai larian itu yang bermula 3.30 petang di Padang Merbok dan dijangka tiba di Dataran Merdeka pada 4.30 petang.

Mereka yang berminat boleh membuat pendaftaran terus di JBS Wilayah Persekutuan di alamat 4029, Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur atau telefon 03-9813820 atau 03-9813815.

Pendaftaran juga, katanya boleh dibuat di Urusetia Larian Perdana Kementerian Belia dan Sukan di Blok G Kompleks Bukit Perdana, Kuala Lumpur atau telefon 03-26908301.

Selain itu, katanya, mereka yang tidak berkesempatan mendaftar sebelum 7 Sept ini boleh berbuat demikian di kaunter-kaunter urusetia yang disediakan di Padang Merbok mulai jam 3 petang sebelum acara bermula.

Beliau juga meminta kerjasama jabatan kerajaan, badan berkanun, pekilang, badan korporat dan mereka yang berkenaan memberi kelonggaran kepada kakitangan yang belum membuat pendaftaran mendaftar pada hari larian berlangsung.

Ong berkata kira-kira 10,000 orang sudah membuat pendaftaran setakat ini melalui ketua-ketua jabatan, syarikat, NGO, persatuan belia dan badan berkanun.

Katanya, ini termasuk kumpulan pelari dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, kakitangan jabatan kerajaan, syarikat swasta, pekilang di sekitar Wilayah Persekutuan, badan korporat, pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Kita juga amat mengalu-alukan penyertaan dari penggemar aktiviti riadah hujung minggu serta pengunjung pusat membeli-belah menyertai Larian Perdana kali ini dan seterusnya memeriahkan lagi acara yang dipenuhi unsur simbolik dan patriotik itu," katanya.

-- BERNAMA  
BZ ERE KHY NMO